

22 OCT 1999

Sulaiman-DPN

DANA KHAS DICADANGKAN BAGI TINGKATKAN PENGELUARAN MAKANAN

KUALA LUMPUR, 22 Okt (Bernama) -- Kerajaan Pusat dan negeri hari ini bersetuju untuk melaksanakan beberapa langkah bagi memajukan lagi sektor pertanian termasuk mengkaji kemungkinan menubuhkan satu dana khas dan menandatangani satu Memorandum Persefahaman (MoU) bagi meningkatkan pengeluaran makanan.

Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Haji Daud berkata ia selaras dengan wawasan baru Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk menjadikan Malaysia negara pengeluar utama makanan.

Beliau berkata perkara itu dipersetujui pada mesyuarat Jawatankuasa Penyelarasan dan Pelaksanaan Dasar Pertanian Negara ketiga (DPN3) yang dipengeruskannya di sini, hari ini.

Mesyuarat itu dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Pertanian setiap negeri dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Pertanian.

Bercakap pada pemberita selepas mesyuarat lebih empat jam itu, Dr Sulaiman berkata penubuhan dana khas itu perlu dibincangkan dengan Perbendaharaan dan Unit Perancang Ekonomi.

Sambil menjelaskan bahawa jumlah dana khas itu belum ditetapkan, Dr Sulaiman berkata jika penubuhan dana khas itu dipersetujui, ia akan dikemukakan kepada Majlis Sektor Awam-Swasta yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir.

"Jika majlis itu merasakan dana khas ini tidak diperlukan, kita akan usahakan supaya syarat-syarat yang terdapat pada dana-dana yang sedia dilonggarkan supaya lebih ramai lagi akan mendapat faedah daripada dana-dana itu," katanya.

Mengenai MoU itu pula, Dr Sulaiman berkata kerajaan Pusat dan negeri akan bersama-sama membangunkan taman kekal pengeluaran makanan atau taman teknologi pertanian.

Katanya di bawah MoU itu, kerajaan Pusat akan memberikan insentif, kos pembinaan infrastruktur dan lain-lain kemudahan asas, perkhidmatan sokongan seperti penyelidikan dan pembangunan (R&D), pemasaran, pengendalian lepas tuai, khidmat nasihat dan sebagainya.

Kerajaan-kerajaan negeri pula akan memberikan tanah yang sesuai untuk dipecah kecilkan dan disewa kepada sektor swasta dan usahawan-usahawan yang ingin melibatkan diri dalam pengeluaran pertanian, katanya.

Dr Sulaiman berkata mesyuarat itu bersetuju supaya diwujudkan zon-zon yang kekal untuk pengeluaran makanan jangka panjang.

Pemberian kredit bagi pengeluaran makanan juga perlu dipermudahkan, khususnya syarat-syarat pinjaman di bawah Skim Tabung 3F, katanya.

Mesyuarat itu turut bersetuju mengenai pentingnya disediakan infrastruktur asas seperti jalan ladang, perparitan dan saluran bilik sejuk untuk penyimpanan ikan, pusat pengumpulan dan pendedaran hasil tanaman sebagai insentif bagi menyokong pengeluaran makanan.

Dr Sulaiman berkata mereka mengakui pentingnya kerjasama di antara negeri-negeri dalam pengeluaran makanan sekiranya program pertanian terlibat melampaui sempadan negeri.

Kerjasama kerajaan-kerajaan negeri akan ditumpukan kepada pengukuhan pasar tani, urusniaga, infrastruktur pasaran di peringkat ladang dan pasaran, pasar borong melalui perancangan bersepadu berteraskan perancangan pertanian, dan perancangan dan pelaksanaan projek berdasarkan konsep pemasaran, pengeluaran dan pasaran.

Dr Sulaiman berkata kerajaan-kerajaan negeri juga diminta memudahkan

dan mempercepat permohonan kelulusan bagi penambahan tapak pasar borong, runcit dan jualan terus dari semasa ke semasa.

Mesyuarat itu turut bersetuju untuk menyeragamkan undang-undang dan peraturan berkaitan dengan pemasaran hasil-hasil pertanian di peringkat negeri dengan undang-undang dan peraturan kerajaan Pusat.

"Ia penting terutama dalam konteks cadangan Kementerian Pertanian untuk mewujudkan Akta Pasar Borong Nasional dan keseragaman penguatkuasaan kawal selia hal ehwal pasaran hasil pertanian," katanya.

Beliau berkata kerajaan-kerajaan negeri juga bersetuju mewujudkan satu rangkaian rundingan dengan Kementerian Pertanian.

Dr Sulaiman berkata mesyuarat itu juga meminta jabatan dan agensi di bawah kementeriannya menjelaskan mengenai DPN3 kepada wakil-wakil rakyat dan para petani.

--BERNAMA

ES NAK